

SOALAN NO: 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN GOOI HSIAO-LEUNG
[ALOR SETAR]

TARIKH : 22 OKTOBER 2015

SOALAN :

YB TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa projek pembangunan yang diluluskan di bawah RMKe-9 dan RMKe-10 untuk negeri Kedah yang belum diselesaikan, dan memberi penjelasan untuk kelambatan dalam menghabiskan projek-projek tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Kerajaan yang belum diselesaikan di negeri Kedah adalah sebanyak **465 program/projek**.

Daripada 465 program/projek yang belum disiapkan **hanyaempat (4) projek mengalami kelewatan** daripada tarikh yang dirancang untuk disiapkan. Antara sebab-sebab berlaku adalah, pengurusan dalaman kontraktor yang lemah, masalah pengalihan dan pemasangan utiliti serta masalah tenaga kerja.